

Anugerah Perdana Seniman 2006

SEMPENA
SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KE -63
DYMM TUANKU RAJA PERLIS




ANJURAN BERSAMA :
SENIMAN & KUKUM

DENGAN KERJASAMA KERAJAAN NEGERI PERLIS

TARIKH : 6 MEI 2006

TEMPAT : DEWAN WARISAN KANGAR, PERLIS





KUKUM

Nak Jadi Jurutera? Penuhi Impian Anda Bersama KUKUM

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA

www.kukum.edu.my

Engineering@KUKUM

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA YANG DITAWARKAN :

- » Kejuruteraaan Mikroelektronik (RK05)
- » Kejuruteraaan Elektronik (RK02)
- » Kejuruteraaan Komputer (RK20)
- » Kejuruteraaan Perhubungan (RK53)
- » Kejuruteraaan Sistem Elektrik (RK54)
- » Kejuruteraaan Elektronik Industri (RK45)
- » Kejuruteraaan Bahan (RK12)
- » Kejuruteraaan Metalurgi (RK56)
- » Kejuruteraaan Pembuatan (RK13)
- » Kejuruteraaan Rekabentuk Produk (RK84)
- » Kejuruteraaan Mekatronik (RK24)
- » Kejuruteraaan Mekanikal (RK04)
- » Kejuruteraaan Elektronik Bioperubatan (RK85)
- » Kejuruteraaan Bioproses (RK28)
- » Kejuruteraaan Alam Sekitar (RK07)

PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN YANG DITAWARKAN :

- » Kejuruteraaan Mikroelektronik (N001)
- » Kejuruteraaan Komputer (N010)
- » Kejuruteraaan Elektrik (N040)
- » Kejuruteraaan Pembuatan (N020)
- » Kejuruteraaan Mekatronik (N050)
- » Kejuruteraaan Metalurgi (N030)



Kampus Alam / Nature Campus

04-979 8008



Daulat Tuanku



DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMAULLAIL,
D.K., S.P.M.P.

PEMANGKU RAJA PERLIS
CANSELOR KUKUM




DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH JAMALULLAIL
S.P.M.P.

RAJA PUAN MUDA PERLIS




MENTERI BESAR PERLIS
DATO' SERI (D) SHAHIDAN BIN KASSIM



4

Sekapur Sirih Seulas Pinang




BERSYUKUR kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya kita dapat mengadakan program atau aktiviti kemasyarakatan dan yang berkaitan dengan perfilman, anjuran bersama SENIMAN dan KUKUM di Negeri Perlis yang indah ini.

Aktiviti yang bercorak kemasyarakatan adalah dalam usaha mempelbagaikan kegiatan Persatuan, para artis dan warga filem serta menjalin silatulrahim dengan pelajar-pelajar dan masyarakat keseluruhannya. Manakala aktiviti perfilman pula adalah merupakan tanggung jawab para artis dan warga filem bagi memaju dan mempromosi industri perfilman negara.

Sesungguhnya SENIMAN atau nama penuhnya Persatuan Seniman Malaysia amat berbesar hati apabila pihak KUKUM menyatakan hasrat bekerjasama mengadakan program atau aktiviti kemasyarakatan dan perfilman di Negeri Perlis ini. Malah, dalam program atau aktiviti ini juga akan disempurnakan penyampaian Anugerah Perdana SENIMAN kepada 12 individu yang merangkumi pelbagai aspek, termasuk perfilman dan lain-lain kegiatan seni, pelajar, kewartawanan dan anugerah istimewa.

Penyampaian Anugerah Perdana SENIMAN ini adalah kali kedua diadakan, setelah anugerah yang berprestij ini, kali pertama disempurnakan pada tahun 2004 dimana majlis penyampaiannya diadakan di Alor Setar. Manakala penganjurannya adalah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah dan Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM). Kerana itulah SENIMAN merasa bangga dan amat mengalukan kerjasama dari mana-mana pihak dalam program atau aktiviti seperti ini di masa-masa akan datang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia atau KUKUM, Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Kebudayaan Negeri, pihak berkuasa keselamatan dan individu-individu yang bermurah hati menghulurkan bantuan dan kerjasama dalam menjayakan hasrat murni SENIMAN KUKUM ini.



DATO' MUSTAPHA MAAROF, DPTJ
Presiden
Persatuan Seniman Malaysia



kata aluan



Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari yang penuh bersejarah ini bersempena dengan Anugerah Perdana SENIMAN-KUKUM yang buat julung-julung kalinya diadakan sejak penubuhan universiti ini pada tahun 2002 lalu.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak seluruh warga kerja KUKUM ingin merafak sembah menjunjung kasih ke atas DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah kerana telah sudi bercemar Duli untuk berangkat ke majlis pada malam ini.

Ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir ke majlis yang julung-julung kalinya diadakan. Saya juga ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada SENIMAN kerana sudi menjemput KUKUM bersama-sama untuk menganjurkan majlis pada malam ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada sekretariat Program SENIMAN-KUKUM kerana berkat kesungguhan yang terpadu dari canaan idea yang kreatif, semangat kerja berpasukan yang koperatif serta iltizam yang tinggi, anda semua telah menzahirkan gugusan idea tersebut menjadi kenyataan dengan berlangsungnya majlis pada malam ini.

Hubungan & jalinan kerjasama antara SENIMAN dan KUKUM ini merupakan perkongsian pintar dalam mencari formula terbaik dalam memastikan KUKUM menghasilkan pelajar yang versatil dalam pelbagai bidang. Tidak hanya berfokuskan kepada bidang kejuruteraan sahaja, KUKUM tidak lupa akan aktiviti seni yang mana seni adalah penjelmaan rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia, dilahirkan dengan perantaraan alat komunikasi ke dalam bentuk yang dapat diterima oleh pancaindera seperti pendengaran (seni suara), penglihatan (seni lukis), atau dilahirkan dengan perantaraan gerak (seni tari, drama).

Anugerah Perdana SENIMAN-KUKUM pada malam ini berjaya menghimpunkan semua anak-anak seni dari segenap lapisan termasuk penduduk tempatan amnya di negeri Perlis ini yang banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat. Akhir bicara, saya berdoa semoga majlis yang diadakan pada malam ini akan diberkati oleh Allah S.W.T dan bagi pihak KUKUM kami sentiasa akan membuka ruang kerjasama dengan mana-mana pihak untuk bersama-sama menjana pemimpin terbilang negara.

Sekian. Wassalam

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Kamarudin Hussin".

Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin
Rektor

